

Lirik dan Melodi Menurut Islam

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)



Nyanyian dan Muzik memang tidak dapat dinafikan merupakan satu elemen yang mampu membantu memberi ketenangan, keseronokan dan merupakan hiburan kepada pendengaran manusia. Walaupun, Islam tidak mengharamkan nyanyian dan muzik tetapi tetap ada batas-batas dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi agar nyanyian dan muzik tadi tidak menjadi haram menikmatinya. Banyak elemen-elemen yang terkandung di dalam mencetuskan sesuatu karya muzik. Antara elemen-elemen tersebut adalah lirik dan melodi. Persoalannya, adakah semua bentuk lirik dan melodi nyanyian itu dibenarkan dalam Islam. Sekiranya tidak, apakah kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Islam dalam menetapkan lirik dan melodi sesebuah nyanyian.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, melodi dan lirik sesebuah lagu merupakan satu sumber yang paling penting di dalam sebuah nyanyian. Lantaran itu, berdasarkan permasalahan ini para Ulama silam ataupun kontemporari sememangnya bersepakat bahawa nyanyian dan muzik yang mempunyai melodi dan lirik yang melalaikan dan membawa maksud yang buruk adalah haram hukumnya. Perkara ini jelas kerana

nyanyian yang mempunyai lirik yang baik akan memberi kesan yang baik. Manakala, lirik yang buruk akan memberi kesan yang buruk. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam al-Qur'an Surah Ibrahim ayat 24 hingga 27 yang bermaksud ***"Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). Dan bandingkan kalimah yang jahat-buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah terbongkas akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup. Allah menetapkan (pendirian) orang-orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh dalam kehidupan dunia dan akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang berlaku zalim (kepada diri mereka sendiri); dan Allah berkuasa melakukan apa yang***

dikhendakiNya”.

Ayat al-Qur'an ini jelas menunjukkan bahawa perkataan yang baik akan menyebabkan kesan dan pengaruh yang baik. Manakala perkataan yang buruk akan menyebabkan kesan dan pengaruh yang buruk. Begitu juga dengan lirik sesebuah lagu di dalam nyanyian.

Al-Doktor Yusuf al-Qaradawi ada menjelaskan syarat-syarat sebuah nyanyian yang dibenarkan dalam Islam. Antara syarat tersebut adalah nyanyian yang dinyanyi di dalam sesebuah majlis itu hendaklah bertemakan adab-adab Islam dan didikan Islam. Manakala, nyanyian yang memuji kezaliman, unsur maksiat dan sebagainya yang membawa pengaruh yang buruk adalah haram nyanyian tersebut. Begitu juga dengan al-Doktor 'Ahmad al-Sharbasi juga ada menjelaskan pandangannya berkaitan nyanyian. Beliau berpendapat bahawa nyanyian tidak dilarang secara sharak selagi mana kata-kata dalam nyanyian itu masih berlingkaran sekitar kata-kata yang baik, menyeru ke arah kebaikan dan mengingatkan tentang kebaikan. Namun begitu, nyanyian tetap dilarang sekiranya terdapat perkara-perkara yang mungkar dan dosa. Beliau juga berpendapat bahawa pada zaman kini, kebanyakan penyanyi tidak mempunyai unsur-unsur kebaikan dalam nyanyian mereka bahkan banyak yang melalaikan. Beliau juga turut menyenaraikan beberapa bentuk lirik lagu yang boleh membawa kebaikan kepada manusia sejagat. Di antara bentuk-bentuk lirik lagu tersebut adalah:

- i. Lirik lagu yang menceritakan cinta kepada Allah SWT yang menciptakan langit dan bumi.
- ii. Lirik lagu yang menceritakan cinta kepada para Rasul dan 'Anbiya' yang telah menjadi utusan Allah SWT di muka bumi ini.
- iii. Lirik lagu yang membicarakan kisah cinta kepada ibu dan bapa.

- iv. Lirik lagu yang menyentuh tentang cinta kepada negara.
- v. Lirik lagu yang menceritakan kisah cinta antara suami isteri.
- vi. Lirik lagu berkaitan dengan cinta kekeluargaan.
- vii. Begitu juga dengan lirik-lirik lagu yang membicarakan soal cinta terhadap para guru

Namun begitu, sekiranya dibandingkan dengan lirik lagu yang dinyanyikan oleh kebanyakan penyanyi di Malaysia adalah amat berbeza. Kebanyakan lirik lagu yang dialunkan oleh kebanyakan penyanyi di Malaysia adalah lebih berunsurkan cinta di antara lelaki dan wanita. Bahkan, terdapat juga di antara lirik-lirik lagu yang dinyanyikan berunsur erotik dan keji.

Oleh yang demikian, sebagai seorang Muslim kita sewajarnya memilih hiburan yang tidak bertentangan dengan syariat Islam. Dari sudut nyanyian pula, sudah tentu elemen lirik dan melodi mestilah selaras dengan syariat Islam seperti yang dinyatakan di atas. Semoga di dalam berhibur, kita akan mendapat manfaat daripada lirik dan melodi sesebuah nyanyian yang baik.



Al-Ghazali, Abu Hamid (1999), Adab Mendengar Irama dan Lagu, Dar al-Nukman (terj.), c. 1. Kuala Lumpur: Pustaka Nukman

'Ahmad al-Sharbasi (Dr.) (t.t), Yas'alunaka fi al-Din wa al-Hayat, 7 j. Beirut: Dar al-Jil

H.M Toha Yahya Omar MA (Prof.)(1964), Hukum Seni Muzik – Seni Suara Dan Seni Tari Dalam Islam, c. 1. Jakarta: Penerbit Widjaya

Yusuf al-Qaradawi (Dr.) (2001), Fatawa Mucasarah, 3 j. c. 9. Kaheerah: Dar al-Qalam

Yusuf al-Qaradawi (Dr) (2006), Nyanyian Dan Muzik Menurut Perspektif al-Quran Dan As-Sunnah, Ust. Munawar bin Mohamad dan Ust. Wan Rosli bin Wan Ismail (terj.), c.1, Kuala Lumpur: Prospecta Printers SDN BHD